

Pencapaian Profesionalism Keguruan dalam Kalangan Guru Agama Alumni Academy Pengajian Islam dan Bahasa Arab, Princess of Naradhiwas University (Aias-Pnu)

The Achievement of Teacher Professionalism among Religious Teachers Alumni of the Academy of Islamic and Arabic Studies, Princess of Naradhiwas University Aias-Pnu

MUTSALIM KHARENG, ROHANEE MACHAE, JAFFARY AWANG, ZAIZUL AB RAHMAN & AHMAD YUNUS MOHD NOOR

ABSTRAK

Profesionalisme keguruan adalah suatu pencapaian yang sangat penting yang perlu dicapai oleh setiap guru agama. Hal ini mempunyai kaitan yang rapat dengan pembentukan kualiti dan cemerlangan guru dan pelajar. Kertas kerja ini bertujuan untuk meninjau konsep profesionalisme keguruan dalam perspektif Islam dan tahap pencapaiannya dalam kalangan guru agama alumni Academy of Islamic and Arabic Studies, Princess of Naradhiwas University AIAS-PNU. Bagi mendapatkan maklumat tersebut, dua pendekatan digunakan dalam kajian ini iaitu pendekatan kualitatif dan pendekatan kuantitatif. Kajian kuantitatif dijalankan secara temubual terhadap responden yang terlibat secara langsung dengan guru agama iaitu guru besar dan ahli akademik di sekolah menengah agama swasta di wilayah Selatan Thailand seramai 16 orang responden. Dalam mengukur pencapaian profesionalisme keguruan ini, lima item digunakan iaitu moral dan amalan positif, kemahiran intelektual, sosial dan komunikasi, ilmu pengetahuan dan amanah dan tanggungjawab. Hasil kajian memnunjukkan bahawa item moral dan amalan positif paling tinggi berada pada tahap baik dengan peratusan 40 peratus diikuti tahap sederhana 35 peratus dan tahap rendah 25 peratus. Item kemahiran intelektual dapati penilaian paling tinggi ialah tahap rendah dengan peratusan 42 peratus diikuti tahap sederhana 32 peratus dan tahap baik 26 peratus. Item sosial dan komunikasi dapati penilaian paling tinggi ialah tahap baik dengan peratusan 60 peratus diikuti tahap sederhana 26 peratus dan tahap rendah 14 peratus. Item ilmu pengetahuan dapati penilaian paling tinggi ialah tahap sederhana dengan peratusan 55 peratus diikuti tahap baik 23 peratus dan tahap rendah 22 peratus. Akhirnya item amanah dan tanggungjawab dapati penilaian paling tinggi ialah tahap sederhana dengan peratusan 43 peratus diikuti tahap baik 35 peratus dan tahap rendah 22 peratus. Hasil kajian secara amnya menggambarkan kedudukan guru agama kelulusan AIAS-PNU berada pada tahap yang sangat membimbangkan. Demikian berpunca daripada beberapa faktor sama ada aspek dalaman maupun luaran. Dalam usaha meningkatkan pencapaian kualiti guru agama adalah tanggungjawab setiap pihak harus bekerjasama dalam memastikan pencapaian kualiti guru agama berada pada kedudukan yang memberangsangkan.

Kata kunci: Professionalism keguruan; kualiti; cemerlang; alumni; intelektual

ABSTRACT

Teacher professionalism is very important achievement that is necessary to achieve by every religious teachers. It has a close connection to quality formation and excellence of teachers and students. The purpose of this article is to review the concept of teacher professionalism in Islamic perspective and its level of achievement among alumni religious teachers of the Academy of Islamic and Arabic Studies, Princess of Naradhiwas University. Hence, both the qualitative and quantitative approaches are utilized. The quantitative study was obtained through interviews with respondents who were directly involved with religious teachers, namely headmasters and school administrator committee member as many as 16 respondents. There are five items to measure the achievement of this professionalism including moral and positive practice, intellectual skills, social and communication, knowledge, trust and responsibility. The results show that the highest rating of the moral and positive practices item was found good levels of 40 percent and followed by a moderate level of 35 percent and a low level of 25 percent. The highest rating of the intellectual skills item was found low level of 42 percent and followed by a moderate level of 32 percent and a good level of 26 percent. The highest rating of the social and communication item was found good level of 60 percent and followed by moderate level of 26 percent and a low level of 14 percent. The highest rating of the knowledge item was found moderate level of 55 percent and followed

by good level of 23 percent and a low level of 22 percent. Finally, the highest rating of the trust and responsibility item was found moderate level of 43 percent and followed by good level of 35 percent and a low level of 22 percent. The results of this study generally show the position religious teachers alumni of the AIAS-PNU are very alarming level. This is due to several factors, both internal and external to the pursuit of improving the quality of religious teachers it is the responsibility of each party to work together to ensure that the quality of religious teachers is in a satisfying position.

Keywords: Teacher professionalism; quality; excellence; alumni; intellectual

PENGENALAN

Pendidikan Islam memainkan peranan penting dalam kehidupan umat Islam. Menurut Muhammad al-Naqib al-Attas “*Education is a process of Initialing into human being*” (Muhammad al-Nuquib al-Attas 1980). Pendidikan merupakan proses menanamkan sesuatu pada diri manusia. Ia merupakan salah satu alat pembudayaan masyarakat manusia itu sendiri, malah ianya sebagai kunci kepada usaha dalam menghasilkan modal insan yang seimbang dan dapat menyumbang kepada pembangunan negara secara lestari (Qutrennada Rosli & Ahmad Yunus Mohd Noor 2017). Dengan kata lain, keseluruhan proses kehidupan umat Islam tidak boleh terpisah dengan pendidikan Islam. Sekiranya sistem pendidikan Islam khasnya berfungsi dengan baik, maka ia akan memberi kesan tercapai kemajuan yang dicita-citakan. Sebaliknya, jika proses pendidikan Islam tidak berjalan dengan baik, maka tidak akan tercapai kemajuan yang dicita-citakan. Justeru, pendidikan Islam berfungsi sebagai suatu alat mengarahkan perkembangan hidup umat Islam dan berkemampuan memperoleh kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat. Para pendidik Islam khususnya para guru adalah antara yang memegang kunci utama yang banyak menentukan keberhasilan proses pendidikan Islam. Demikian kerana mereka berada pada garis depan yang berperanan sebagai pemodel pembelajaran serta memegang peranan yang sangat penting dalam perubahan pendidikan daripada yang kurang baik kepada menjadi yang lebih baik (Rosnah & Muhammad Faizal 2013).

Academy of Islamic and Arabic Studies, Princess of Naradhiwas University AIAS-PNU antara institusi pengajian tinggi Islam yang terkemuka di tiga wilayah Selatan Thailand. Ianya ditubuhkan sejak 2008. Kini banyak menghasilkan para aktivis tempatan, pendakwah bebas dan guru agama (Cekloh Khaekpong 2019). Namun begitu, guru agama alumni Akademi Pengajian Islam dan Bahasa Arab PNU mereka sebagai cerminan yang menggambarkan tahap pencapaian kualiti pendidikan mereka di institusi pengajian tinggi Islam tersebut. Hasil dari temubual dalam kalangan guru besar sekolah menengah agama swasta

antaranya Sekolah Darussalam, wilayah Narathiwat, Sekolah Islam Burapa, wilayah Narathiwat dan Sekolah Somburnsart, wilayah Pattani yang telah menerima guru agama kelulusan Academy of Islamic and Arabic Studies, Princess of Naradhiwas University AIAS-PNU dapat bahawa masalah utama yang wujud dalam kalangan guru agama adalah kurang amalan nilai terhadap profesionalisme perguruan, malah terdapat sebahagian mereka masih tidak mengetahui peranan, tugas dan tanggungjawab seorang guru agama. Justeru itu, untuk meningkatkan kualiti pengajian Islam dan memastikan para guru agama mencapai tahap profesionalisme perguruan, suatu kajian tinjauan terhadap persyaratan tertentu guru agama baik teori mahupun praktik dalam melaksanakan tugasnya, faktor yang bersifat internal seperti bakat dan faktor eksternal seperti persekitaran yang mempengaruhi mereka perlu dijalankan untuk merealisasikan hasrat tersebut. Untuk memastikan tujuan kajian ini tercapai matlamat yang ditetapkan, pengkaji menjalankan kajian berdasarkan dua persoalan iaitu bagaimanakah konsep professionalisme perguruan dalam Islam dan tahap manakah pencapaian professional guru agama dalam kalangan alumni Academy of Islamic and Arabic Studies Princess of Naradhiwas University AIAS-PNU.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti konsep professionalism keguruan dalam perspektif Islam. Objektif lain ialah mengenalpasti tahap pencapaian professionalism keguruan dalam kalangan alumni Academy of Islamic and Arabic Studies AIAS-PNU.

KERANGKA TEORI DAN KONSEPTUAL KAJIAN

CIRI GURU AGAMA DALAM ISLAM

Dalam konteks pendidikan Islam, terdapat sekurang-kurangnya lima komponen yang menjadi ciri

guru Muslim iaitu *Mudarris*, *Mu'allim*, *Murabbi*, *Mu'addib* dan *Mursyid* yang dikenali sebagai model 5M. (Ab. Halim Tamuri (2010).

Mudarris Secara etimologi perkataan *Mudarris* berasal daripada bahasa Arab *sighah al-Ism al-Fa'il al-Madi* “*Darrasa*” memberi erti mengajar, sementara *mudarris* memberi erti guru atau pengajar. Secara terminologi perkataan *Mudarris* merujuk kepada ciri pengajar yang berkesan melibatkan aspek pengajaran dan pembelajaran bermula daripada persediaan mengajar sehingga kepada proses pengajaran dan pembelajaran serta penilaian kendiri (Ibn Mandhur 1956). Konsep ini lebih menyentuh kepada aspek luaran pengajaran dan pembelajaran berkesan guru. Konsep guru *mudarris* dinilai daripada lima aspek utama iaitu ciri-ciri peribadi yang dimiliki, kaedah-kaedah pengajaran yang digunakan, kejayaan mewujudkan iklim dan personaliti bilik darjah yang baik, mempunyai kepakaran serta mempunyai kecekapan dan kemampuan membuat keputusan yang profesional (Kamarul Azmi & Ab. Halim Tamuri 2007).

Mu'allim Perkataan *Mu'allim* dierangkan sebagai seorang yang memiliki ilmu pengetahuan agama yang tinggi, guru agama.(Kamus Dewan 2010).Dalam *Lisan al-Arab* perkatan *Mu'allim* berasal dari *al-Fi'il al-madi 'allam, mudari'nya yu'allimu*, dan *masdarnya al-ta'lim*. (Ibn Mandhur 1956). *al-ta'lim* ditakrifkan sebagai suatu proses pemberitahuan, pengajaran, pemindahan dan penyampaian maklumat dan ilmu pengetahuan daripada seorang guru kepada pelajarnya. (AB. Halim Tamuri 2010). Perkataan *Mu'allim* terdapat dalam al-Qur'an pada surah al-Baqarah ayat 151 yang bermaksud

Sebagaimana (Kami telah menyempurnakan nikmat Kami kepadamu) Kami telah mengutus kepadamu Rasul diantara kamu yang membacakan ayat-ayat Kami kepada kamu dan mensucikan kamu dan mengajarkan kepadamu al-Kitab dan al-Hikmah, serta mengajarkan kepada kamu apa yang belum kamu ketahui.

Mu'allim merujuk peranan guru dalam bilik darjah dan perlaksanaan aktiviti dakwah untuk memberitahu, mengajar, menyampaikan pelbagai jenis maklumat, disiplin dan ilmu pengetahuan kepada para pelajar sama ada melalui latihan, arahan atau sebarang bentuk pengajaran yang dirancang (Razaleigh Muhamat Kawangit 2014). Sikap seorang *Mu'allim* juga harus mempunyai niat

yang ikhlas, mengetahui dasar-dasar pendidikan, dan strategi mengajar yang berkesan, memberi rangsangan motivasi kepada para pelajar dan memahami kaedah-kaedah pengurusan bilik darjah yang berkesan. *Mu'allim* juga perlu berusaha meningkatkan penguasaan ilmu pengetahuan dengan kecekapan ikhtisas perguruan, sentiasa mencari pendekatan pengajaran yang menimbulkan minat pelajar terhadap penghayatan agama dan cintakan agama Islam (Ramayulis & Samsul Nizar 2009). Secara rumusannya, *Mu'allim* berperanan dalam menyampaikan segala ilmu pengetahuan kepada para pelajar serta turut mengamalkan setiap pemberiannya dan konsisten dalam menuntut ilmu serta ikhlas dalam setiap tindakan.

Murabbi Perkataan *murabbi* dierangkan orang yang mendidik atau membimbang, pendidik, pembimbang. (Kamus Dewan 2010). *Murabbi* merupakan bentuk *sighah al-Ism al-Fa'il* yang berakar dari tiga kata. *Pertama*, berasal dari kata *rabba, yarbu*, yang artinya *zad* dan *nama* (bertambah dan tumbuh). *Kedua*, berasal dari kata *rabiya, yarba* yang mempunyai makna tumbuh dan menjadi besar. *Ketiga*, berasal dari kata *rabba, yarubbu* yang artinya, memperbaiki, menguasai, memimpin, menjaga, dan memelihara (Ibn Mandhur 1956). Perkataan *Terbiyyah* terdapat dalam al-Qur'an pada surah al-Isra' ayat 24 yang bermaksud

Dan rendahkanlah dirimu terhadap mereka berdua dengan penuh kesayangan dan ucapkanlah: “Wahai Tuhanaku, kasihilah mereka keduanya, sebagaimana mereka berdua telah mendidik aku waktu kecil.

Berdasarkan firman Allah s.w.t. definisi *tarbiyyah* memberi maksud mencerahkan kasih sayang, memelihara, mendidik semasa kecil dan mengembangkan (Ibnu Kathir 2001). Ini bermakna konsep *tarbiyyah* lebih menjurus kepada penumpuan pendidikan jasmani, rohani dan pemantauan perkembangan fizikal seseorang individu. Di sini konsep *tarbiyyah* merujuk kepada peranan guru dalam menjaga, membesar, memberi kasih sayang, mendidik, mengajar, menyubur dan memelihara fitrah para pelajar serta membina bakat dan kebolehan yang wujud dalam diri mereka secara beransur-ansur agar dapat berkembang dengan baik selaras dengan kematangan yang dilalui oleh para pelajar tersebut (Kamarul Azmi & Ab. Halim Tamuri 2007) Secara rumusannya, *Murabbi* berperanan merealisasikan pembentukan dan perbangunan para pelajar dalam pelbagai aspek meliputi jasmani,

emosi, rohani, intelektual dan spiritual agar dapat melahirkan seorang insan yang soleh. Di samping turut memberikan kasih sayang kepada para pelajar sehingga dapat mewujudkan hubungan mesra dalam proses pembelajaran.

Mu‘addib Perkataan *Mu‘addib* diertikan pengajar, pengasuh dan pendidik (Kamus Dean 2010). Perkataan *Mu‘addib* secara etimologi berasal dari bahasa Arab *al-Ism al-Fa‘il* dari *madi*-nya ‘*Addaba*. ‘*Addaba* ertinya mendidik, sementara *Mu‘addib* ertinya orang yang mendidik atau pendidik (Ibn Mandhur 1956). Dalam kamus bahasa arab, *al-Mu‘jam al-Wasit* istilah *Mu‘addib* mempunyai makna dasar sebagai berikut: a) *ta‘dib* berasal dari kata ‘*aduba*-ya‘*dibu* yang bererti melatih, mendisiplin diri untuk berperilaku yang baik dan sopan santun; b) kata dasarnya ‘*adaba*-ya‘*dibu* ertinya mengadakan pesta atau perjamuan yang bererti berbuat dan berperiku sopan; c) ‘*addaba* mengandung pengertian mendidik, melatih, memperbaiki, mendisiplin, dan memberikan tindakan (Ibrahim Mustafa 1990). Secara terminologi *Mu‘addib* dalam proses mendidik atau membentuk, seorang pendidik bertugas untuk menciptakan suasana belajar yang dapat menggerakkan para pelajar untuk berperilaku atau berada sesuai dengan norma-norma serta berkemampuan mengembangkan segala potensinya ke arah pembentukan peribadi, sikap dan sahsiah selaras dengan acuan pembentukan yang ditetapkan oleh Allah s.w.t. Ianya dapat disimpulkan bahawa *Mu‘addib* adalah guru berperanan dalam mengasuh, mengajar, mendidik, membentuk, membimbing, menanam dan menyuburkan moral murni, disiplin, sahsiah dalam pembinaan para pelajar.

Mursyid Perkataan *Mursyid* diertikan guru agama, pemimpin dalam hal rohani, hidupnya taat kepada Allah s.w.t. (Kamus Dewan 2010). Konsep *irsyad* dalam al-Qur'an mengandungi maksud jalan petunjuk, pemimpin yang memberi pentunjuk, dan petunjuk ke jalan yang benar (Ibnu Kathir 2001). Secara etimologi perkataan *Mursyid* barasal dari bahasa Arab, dalam bentuk *al-Ism al-Fa‘il* dari *al-Fa‘il al-madi Rasisyada* ertinya ‘*allama*; mengajar. Sementara *mursyid* memiliki persamaan makna dengan kata *al-dalil* dan *mu‘allim*, yang ertinya penunjuk, pemimpin dan pengajar. *al-Rusydu* juga mempunyai erti *al-‘aqlu*, iaitu akal, pikiran, kebenaran, kesadaran, keinsyafan. *al-Irsyadsama* dengan *al-Dilalah*, *al-ta‘lim*, *al-Masyurah* ertinya petunjuk, pengajaran, nasihat, pendapat,

pertimbangan, dan petunjuk. Secara terminologi *Mursyid* adalah seorang pendidik berperana dalam pendidikan Islam yang bertugas untuk membimbing para pelajar agar ia mampu menggunakan akal fikirannya secara tepat, sehingga ia mencapai keinsyafan dan kesadaran tentang hakikat sesuatu atau mencapai kedewasaan berfikir (Ibrahim Mustafa 1990). *Mursyid* berkedudukan sebagai pemimpin, penunjuk jalan, pengaruh, bagi para muridnya agar ia memperoleh jalan yang lurus” (Muhammad al-Nuquib al-Attas 1980). Secara rumusannya, *Mursyid* berperanan mendidik pada pelajar menjadi khalifah Allah s.w.t. di dunia ini serta bertindak sebagai mentor dalam mengajar, menasihat, mendorong para pelajar ke arah pembentukan insan yang soleh dan harus bersikap adil dan ikhlas dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Merujuk kepada konsep pendidikan Islam di atas, lima komponen ciri guru Muslim yang dikenali sebagai model 5M mempunyai tingkatan pencapaian yang berbeza dan penumpuan berlaian aspek. Namun, semuanya amat penting dalam menonjolkan ketokohan memimpin, keperibadian mulia, sifat kasih sayang dan berjiwa luhur dan amat memberi kesan kepada proses pengajaran dan pembelajaran para pelajar, maka ianya harus dijadikan sifat yang perlu dimiliki dan diamalkan oleh para guru pendidikan Islam khasnya dan semua guru akademik amnya.

PROFESIONALISME KEGURUAN

Perkataan profesionalisme adalah suatu yang lebih mengarah pada jiwa, sikap, watak, semangat dan nilai yang dimiliki oleh seorang yang profesional. Tanpa profesionalisme, sebuah organisasi tidak dapat bertahan kerana profesionalisme inilah yang menghidupkan setiap aktiviti-aktiviti yang ada di dalamnya. Profesionalisme boleh diertikan sebagai kemampuan menyesuaikan diri dengan persekitaran yang cepat berubah dan menjalankan tugas dan fungsinya yang mengarah kepada pencapaian visi dan misi serta nilai-nilai organisasi (Nihan Demirkasimoglu 2010). Manakala perkataan keguruan pula merupakan tugas mulia. Ia mempunyai hubungan yang rapat dengan kecemerlangan diri dan pembentukan kualiti hidup pelajar (Hilferty, F. 2008). Dalam erti kata lain, pendidikan yang disampaikan oleh guru secara berkualiti dan profesional mampu meningkatkan potensi diri dan pelajar dalam pelbagai bidang dan aspek kehidupan di masa akan datang. Menurut Trevor

(2004) profesionalisme keguruan telah menuntut agar para guru berusaha menjana pengetahuan kepakaran para diri mereka. Dalam *Council for Exception Children (CEC)* menegaskan kod etika CEC bahawa nilai-nilai asas dan kepercayaan perlu ditekankan dalam kalangan para pekerja (Craig R. Fiedler & Barbara Van Haren. 2009). Ini bermakna profesionalisme keguruan harus dibina sebagai satu etika guru agama, kerana ia mempunyai hubungan rapat dengan kecemerlangan guru agama. Ia merujuk kepada sikap atau tingkah laku guru yang professional dalam menyusun dan mengurus kerjayanya dalam hal pembelaan, pemberkualihan, kerjasama, galakan, catatan lengkap, maklumat dan tindakan yang berasas dan sokongan terhadap pihak atasan (al-Hasyimi, Muhammad 'Ali. 1983). Guru agama yang profesional bukan hanya bertanggungjawab dalam menyampaikan proses pengajaran dan pembelajaran, malah mereka memainkan peranan yang lebih dominan dalam merealisasikan hasrat pendidikan Islam. Sebagai mana yang telah dijelaskan oleh Halim & Salamuddin (2000) dalam kajiannya, bahawa profesionalisme keguruan di mana guru memainkan peranan dalam mengembangkan kemahiran dan membentuk akhlak pelajar, guru sebagai perancang, pengurus, fasilitator, pembimbing dan menjadi contoh tauladan kepada pelajar. Untuk memastikan hasrat pendidikan Islam itu tercapai, setiap guru harus sedar bahawa dirinya merupakan salah satu faktor penyumbang yang sangat penting kerana mereka merupakan golongan yang berpendidikan dan mengetahui kaedah, strategi, dan mempunyai kebolehan dalam berinteraksi dengan pelajar. Oleh yang demikian, guru perlu menguasai pelbagai kemahiran untuk memenuhi hasrat dan matlamat pendidikan Islam.

Untuk mencapai tahap profesionalisme keguruan yang sewajarnya, beberapa usaha harus dilaksanakan oleh para guru seperti mengembangkan

iltizam secara berperingkat ke arah menjadi guru professional sebagai kerjaya hidup. Para masa yang sama, pelaburan dan penggunaan ilmu pengetahuan harus wujud agar dapat dimanfaatkan oleh pelajar pada setiap masa. Di samping menitikberatkan soal pertambahan pengetahuan profesionalisme dalam bidang ilmu yang lain (Goodson, I. & Pik, L.C. 2008). Antara lain, amanah dan ikhlas dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab adalah dua sifat paling utamayang perlu ada pada guru di dalam menjalankan hubungannya dengan Allah s.w.t. dan dalam kalangan pelajar (Rosnah & Muhammad Faizal 2013).

Secara rumusannya, dua aspek yang telah dikemukakan di atas telah menggambarkan bahawa lima komponen guru Muslim yang dikenali sebagai ciri model 5M adalah suatu yang boleh menonjolkan keperibadian seorang guru yang mulia. Namun seorang guru yang memiliki lima-lima ciri tersebut dan sentiasa konsisten dalam menghayatinya, malah mampu meningkatkan kualiti penghayatannya sehingga mahir dalam menterjemahkan dalam urusan pengajaran dan pembelajarannya, maka ia layak untuk disebut sebagai guru profesional. Sebagai mana dinyatakan oleh 'Abd al-Hamid al-Mursi (1985) bahawa lazimnya seorang dikatakan profesional jika ia mahir dalam bidang pekerjaannya di mana ia mendapatkan pencapaian hasil daripada ia bekerja. Dengan kata lain, pekerjaan sebagai guru agama didasari dengan kemahiran yang dimiliki oleh setiap peribadi guru mampu menjelma masyarakat yang intelek dan pelajar yang berkualiti. Justeru, kajian ini memfokuskan pencapaian profesionalisme keguruan hanya kepada lima aspek utama berdasarkan lima komponen ciri guru Muslim yang dikenali sebagai 5M. Lima aspek tersebut merangkumi moral dan amalan positif, kemahiran intelektual, sosial dan komunikasi, ilmu pengetahuan, amanah dan tanggungjawab. Secara konseptual seperti yang dinyatakan dalam Rajah 1.



RAJAH 1. Kerangka Konseptual Pencapaian Profesionalisme Keguruan

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian merupakan strategi penyelidikan yang amat penting untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan kajian. Kaedah ini juga merupakan tatacara pengolahan data yang telah dikumpulkan mengikut perancangan khusus dan sistematis untuk membentuk rangkaian hubungan di antara pembolehubah-pembolehubah yang terlibat dalam sesuatu kajian. Kajian ini merupakan satu kajian berbentuk tinjauan terhadap professionalism keguruan dalam kalangan alumni Academy of Islamic and Arabic Studies, Princess of Naradhiwas University AIAS-PNU. Sejak 2009 AIAS-PNU ditubuhkan, kini dapati hampir 520 orang pelajar yang telah tamat pengajian daripada AIAS-PNU dan sebahagian besar mereka berkerja sebagai guru agama di sekolah-sekolah menengah agama swasta di kawasan tiga wilayah Selatan Thailand. Untuk meninjau perkembangan akademik mereka dalam kerjayanya, pengkaji telah memilih beberapa buah sekolah yang dapati alumni AIAS-PNU berkerja sebagai guru agama sebanyak 8 buah kesolah menengah agama swasta di tiga wilayah Selatan Thailand.

Setelah pengkaji mengenal pasti tujuan yang ingin dikaji, pengkaji telah membuat reka bentuk kajian. Secara keseluruhannya, kajian ini mempunyai dua set tujuan. Bagi set pertama pada objektif satu adalah bertujuan untuk mengenalpasti konsep profesionalisme keguruan dalam Islam. Kaedah pemerolehan data yang digunakan untuk menjawab objektif berkenaan ialah kaedah kualitatif. Manakala bagi objektif kedua adalah bertujuan untuk mengenal pasti tahap pencapaian professionalism keguruan dalam kalangan guru agama alumni Academy of Islamic and Arabic Studies, Princess of Naradhiwas University AIAS-PNU yang berkerja sebagai guru agama di sekolah menengah agama swasta kawasan tiga Wilayah Selatan Thailand. Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji berpandukan kepada teori Frechtling & Westat (1992) iaitu menggabungkan dua pendekatan kualitatif dan kuantitatif dalam mengendali dan mengenal pasti kajian. Pendekatan kuantitatif yang digunakan dalam kajian ini, pengkaji telah membina set soalan temu bual. Demikian, pengkaji berpandukan kepada teori Oppenheim (1992) yang menyatakan bahawa temu bual merupakan satu bentuk instrumen yang berkesan bagi mendapat maklumat daripada responden selain daripada kaedah pengedaran soal selidik dan pemerhatian turut serta. Selain itu, kaedah temu bual juga merupakan satu metode yang berkesan

untuk mempelajari individu terutamanya tentang pemikiran dan pandangan mereka terhadap perihal yang berlaku dalam kehidupan sehari-hari mereka juga untuk mempelajari tentang bagaimana situasi yang berlaku itu boleh mempengaruhi kehidupan mereka. Terdapat dua kaedah temu bual yang digunakan dalam kajian ini iaitu temu bual berstruktur dan temu bual semi-struktur dalam kalangan responden. Temu bual berstruktur merupakan temu bual yang dijalankan secara formal, dirancang secara teliti dan dilaksanakan mengikut satu senarai soalan yang perlu dijawab oleh responden. Fungsinya ialah untuk memberi rangsangan yang serupa kepada semua subjek supaya maklumat-maklumat yang dikumpulkan daripada mereka dapat diberikan dengan tepat. Manakala temu bual semi-struktur, ia merupakan suatu format kaedah temu bual yang terletak di antara temu bual berstruktur dan temu bual tidak berstruktur. Dalam temubual semi-struktur ini, pengkaji menyoal dan menyoal sebilangan soalan formal yang telah dibina sebelum sesi temubual dijalankan, tetapi penemubual diberi kebebasan untuk menyoal dan menjelajah lebih mendalam tentang jawapan responden kepada satu soalan formal yang telah ditanya. Satu set protokol temu bual telah dibina dengan menggunakan kaedah tipologi dengan merujuk kepada beberapa kategori soalan temu bual mengikut sub tema yang tertentu berdasarkan tema professionalism keguruan yang merangkumi moral, kemahiran intelek, sosial dan komunikasi, ilmu pengetahuan dan amanah dan tanggungjawab. Responden yang digunakan untuk temubual adalah terdiri dalam kalangan guru besar sekolah sebanyak 8 orang dan ahli akademik sebanyak 8 orang. Sekolah menengah agama swasta yang dipilih oleh pengkaji adalah berdasarkan sekolah-sekolah yang mempunyai guru agama kelulusan daripada Academy of Islamic and Arabic Studies, Princess of Naradhiwas University AIAS-PNU. Data yang diperoleh secara temubual baik secara struktur ataupun semi-struktur, pengkaji menjalankan analisis secara manual dan dibentangkan berbentuk angka peratusan serta turut membincangkan hasil dapatan secara perinci.


DAPATAN DAN PERBINCANGAN HASIL KAJIAN

DAPATAN KAJIAN

Dapatan temu bual dalam kalangan para guru besar dan ahli akademik di sekolah menengah

agama swasta di tiga wilayah terhadap pencapaian profesionalisme keguruan dalam kalangan alumni

Academy of Islamic and Arabic Studies, Princess of Naradhiwas University AIAS-PNU.



RAJAH 2. Peratusan Tahap Pencapaian Profesionalisme Keguruan Dalam Kalangan Guru Agama Alumni Academy of Islamic and Arabic Studies, Princess of Naradhiwas University AIAS-PNU

Rajah 1.2 di atas menggambarkan peratusan tahap pencapaian moral dan amalan positif, kemahiran intelektual, sosial dan komunikasi, ilmu pengetahuan dan amanah dan tanggungjawab dalam kalangan alumni Academy of Islamic and Arabic Studies, Princess of Naradhiwas University AIAS-PNU yang direspon oleh para guru besar dan ahli akademik di sekolah menengah agama swasta. Item moral dan amalan positif didapati guru alumni AIAS-PNU mempunyai tahap guru alumni AIAS-PNU mempunyai tahap pencapaiannya pada tahap rendah 25%, tahap sederhana 35% dan tahap baik 40%. Item kemahiran intelektual didapati guru alumni AIAS-PNU mempunyai tahap pencapaiannya berada pada tahap rendah 42%, tahap sederhana 32% dan tahap baik 26%. Item sosial dan komunikasi didapati guru alumni AIAS-PNU mempunyai tahap pencapaiannya berada pada tahap rendah 14%, tahap sederhana 26% dan tahap baik 60%. Item ilmu pengetahuan didapati guru alumni AIAS-PNU mempunyai pencapaiannya pada tahap rendah 22%, tahap sederhana 55% dan tahap baik 23%. Item amanah dan tanggungjawab didapati guru alumni AIAS-PNU mempunyai tahap pencapaiannya pada tahap rendah 22%, tahap sederhana 43% dan tahap baik 35%.

PERBINCANGAN DAPATAN HASIL KAJIAN

Moral dan Amalan Positif Moral dan amalan positif yang wujud dalam diri manusia disebabkan adanya Islam dan iman. Ia merupakan tingkatan tertinggi membawa maksud Islam sepenuhnya kerana seseorang sampai kepada satu keadaan yang ia merasa dirinya sentiasa diperhatikan oleh Allah s.w.t. dalam setiap kelakuan. Dalam

pembentukan moral seseorang insan, persoalan baik atau buruk adalah faktor yang mempunyai hubungan rapat dengannya. Justeru, dalam Islam moral insan ditentukan berlandaskan kepada garis panduan baik dan buruk yang dijelaskan dalam al-Qur'an dan sunnah. Selain itu, penentuan ini juga dikaitkan dengan akal nurani serta pandangan umum masyarakat (Muhammad Hisyam Anan. et. al. 2017). Merujuk kepada dapatan kajian di atas, membuktikan bahawa para guru memiliki moral dan amalan positif pada tahap yang baik. Ini bermakna para gurumemahami serta menghayati amalan baik berlandaskan kepada al-Qur'an dan sunnah, di samping mengetepikan amalan buruk dalam kehidupan sehari-hari. Malah turut diakui oleh masyarakat awam khususnya para guru besar sekolah dan ahli jawatankuasa pentadbir sekolah. Menurut hemat pengkaji, hasil kajian seperti ini berlaku disebabkan faktor pendidikan memainkan peranan secara langsung dalam membentuk peribadi pelajar supaya menjadi insan yang bermoral dan sentiasa mengamalkan amalan positif dalam kehidupannya. Ianya wajar berlaku kerana salah satu hasrat falsafah pendidikan di Academy of Islamic and Arabic Studies, Princess of Naradhiwas University AIAS-PNU iaitu pembentukan insan berakhhlak mulia. ([www.aias.pnu.ac.th.](http://www.aias.pnu.ac.th/)). Demikian berlandaskan kepada firman Allah s.w.t. dalam surah Ali-Imraan ayat 104 yang bermaksud:

Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebijakan, menyuruh kepada yang makruf dan mencegah dari yang munkar; mereka lahir orang-orang yang beruntung.

Namun begitu, hasil penilaian seperti ini perlu ditingkatkan sebagai mana dinyatakan oleh

Nifauwaz Waba salah seorang guru besar sekolah menengah agama swasta di wilayah Pattani kerana masih terdapat sebahagian kecil yang tidak mampu menginterpretasi nilai-nilai murni dalam aktiviti-aktiviti pengajian dan pembelajaran di sekolah (Temubual pada 5 May 2019). Dengan itu, kepentingan penghayatan nilai murni dalam kalangan para guru amat signifikan, kerana nilai-nilai murni yang dihayati itu akan menentukan jenis manusia yang diingini (Khareng, M. 2019). Nilai moral dan pengamalan positif ini dapat dipupuk baik secara formal ataupun tidak formal. Setiap anggota masyarakat merupakan sebahagian saham memainkan peranan penting dalam pemupukan nilai dan kepribadian yang positif secara tidak formal. Walau bagaimanapun, ianya lebih berkesan sekiranya dapat disampaikan melalui sistem pendidikan secara formal yang mempunyai struktur yang jelas serta mampu mengintegrasikan subjek-subjek dengan cara yang tepat sesuai dengan hasrat falsafah pendidikan. Sebagai mana dinyatakan oleh Wan Mohd Zahid Mohd Noordin (1993) bahawa nilai-nilai murni akan disisipkan melalui mata pelajaran dan ia diperkuuhkan pula melalui kegiatan-kegiatan kokurikulum dan pembentukan budaya sekolah yang positif. Ini bermakna pendidikan secara formal dan penerapan nilai murni secara tidak formal memalui kegiatan-kegiatan kokurikulum tidak boleh dipisahkan, bahkan kedua-duanya mempunyai hubungan yang saling menguatkan antara satu sama lain. Demikian bertepatan dengan ungkapan Muhammad Kamal antara guru besar sekolah menengah agama swasta di wilayah Pattani dalam temubual bahawa proses pengajian dan pembelajaran kini harus diterapkan samada secara formal maupun tidak formal sesuai dengan era globalisasi. Secara tidak formal boleh dilakukan dalam pelbagai bentuk seperti aktiviti luar pembelajaran, tugas di rumah, lawatan ilmiah di luar kawasan dan sebagainya (Temubual pada 7 Jun 2019).

Kemahiran Intelektual Intelektual merujuk kepada daya atau proses fikiran yang lebih tinggi yang berkaitan dengan pengetahuan, daya akal budi, dan kecerdasan berfikir. Cara berfikir seseorang membuktikan jenis keperibadian yang diekspresikan melalui perbuatannya dan ianya ditentukan oleh maklumat yang diperolehi (Taqiy al-Din al-Dabnani. 1994). Hasil dapatan kajian di atas menunjukkan bahawa kecerdasan akal dan daya fikiran yang intelek dalam kalangan guru masih berada pada tahap yang rendah dan ianya perlu dipantau serta diselidiki secara serius dan berterusan. Penilaian

item tersebut berasaskan kepada pendekatan para guru dalam menyampaikan ilmu pengetahuan kepada para pelajar. Dalam al-Qur'an, terdapat pendekatan dalam mendidik manusia antaranya ialah memberi peringatan, mengetengahkan kisah-kisah, menyatakan perumpamaan atau meneladani perilaku yang baik (Muhammad Uthman Najati. 1993). Pendekatan tersebut dalam proses mengajian dan pembelajaran secara langsung mempunyai hubungan dengan keintelektual para pendidik. Dalam erti kata lain, semakin tinggi daya intelek seseorang, maka turut tinggilah kualiti pendekatan dalam penyampaian.

Menurut hemat pengkaji, antara faktor yang menyababkan kenyataan seperti ini berlaku ialah persekitaran sosial memainkan peranan mempengaruhi tingkah laku seorang sehingga menjadi kurang intelektual (Khareng, M. et. al. 2012). Sebagai mana dijelaskan oleh Azhar (2006) dalam kajiannya bahawa pembentukan intelektual seseorang dipengaruhi oleh faktor persekitaran sosial samada yang berkaitan dengan elemen kemanusiaan seperti ibu bapa, para guru, rakan sebaya dan masyarakat mahupun elemen bukan kemanusiaan iaitu pelbagai jenis media yang diterima oleh seseorang itu. Ianya bermaksud, persekitaran sosial yang baik mampu mempengaruhi seseorang bagi mencapai tahap keintelektual pada diri seseorang. Menurut Stephene Trembly et al. (1999) persekitaran yang merangkumi sosial masyarakat, pengaruh guru, bilik belajar dan kawasan sekitar sangat penting kepada pencapaian intelektual pelajar. Kenyataan demikian, sangat tepat dengan realiti kawasan kajian kerana persekitaran masyarakat wilayah Selatan Thailand secara umumnya budaya pendidikan masih berada pada tahap yang lemah (Khareng, et al. 2016; Ahmad Sunawari Long et al. 2017). Demikian turut disokong oleh Nurihan Rengma guru besar sekolah menengah agama swasta di wilayah Narathiwat dalam temubual bahawa situasi seperti itu secara tidak langsung mempengaruhi tahap intelektual para guru turut menjadi lemah (temubual pada 13 Februari 2019). Untuk menangani masalah tersebut, terutama para guru harus menyedari kondisi persekitarannya dan bersemangat untuk mengubah dirinya sendiri secara berperingkat daripada kurang berakal budi kepada tingkatnya kecerdasan berfikir. Di samping, masyarakat samada elemen kemanusiaan mahupun bukan harus bekerjasama dalam menyokong dan memberi sumbangan kepada pembentukan warga masyarakat untuk menjadi lebih intelek.

Sosial dan Komunikasi Dapatan kajian di atas berkenaan dengan item sosial dan komunikasi

didapati para guru mempunyai kesedaran bersosial dan komunikasi pada tahap yang baik. Ianya memberi gambaran bahawa para guru sentiasa menekankan usaha ke arah mewujudkan kasih sayang antara satu sama lain. Pada masa yang sama, mereka sentiasa waspada dalam menggunakan sebarang ungkapan yang boleh mengeruhkan hubungan antara mereka atau memberi kesan kepada jiwa. Semua ini agar melahirkan masyarakat yang harmoni, aman dan sentiasa membantu antaranya (Fazilah Idris, Khadijah Muda, Khairul Anwar Mastor 2019). Demikian bertepatan dengan firman Allah s.w.t. dalam surah Ali-Imraan ayat 112 yang bermaksud:

Mereka ditimpa kehinaan di mana sahaja mereka berada, kecuali jika mereka berpegang kepada tali Allah (agama) dan tali (perjanjian) dengan manusia.

Ayat tersebut mengingatkan bahawa kecelakaan akan menimpa ke atas mereka sekiranya hubungan antara manusia dengan Allah tidak dipelihara dengan baik. Walaupun ayat tersebut pada hakikatnya menceritakan hal orang Yahudi, namun pengajarannya ditujukan untuk umat manusia. Islam sangat menitberat soal persaudaraan, kerana ia akan membawa kepada perpaduan dan akhirnya akan membentuk sebuah tamadun.(Ibnu Kathir 2001). Justeru, nilai-nilai murni yang dapat menjalinkan hubungan baik sesama muslim ataupun non-muslim perlu disemai dalam setiap sanubari umat manusia. Sebagai mana firman Allah s.w.t. dalam surah al-Hujurat ayat 10 yang bermaksud:

Sesungguhnya orang-orang mukmin itu adalah bersaudara, maka damaikanlah antara kedua saudaramu dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu mendapat rahmat.

Hasil kajian seperti ini ianya wajar berlaku kerana proses pengajian dan pembelajaran di Akademi Pengajian Islam dan Bahasa Arab PNU bukan sekadar berbentuk formal dalam kelas semata-mata, tetapi terdapat juga pembelajaran berbentuk informal di luar kelas. Proses pembelajaran secara informal mengintegrasikan subjek-subjek pembelajaran dengan aktiviti-aktiviti sosial bertujuan untuk mengenali dan mendekati masyarakat di luar Universiti. Dengan cara ini, banyak memberi kesan dalam membentuk para pelajar menjadi seorang yang berjiwa sosial dan memiliki kemahiran berkomunikasi dengan masyarakat yang pelbagai pada tahap yang tinggi dan berpotensi untuk khidmat kepada masyarakat tanpa balasan (Yong Hie Hie, Ku Hanita Ku Samsu 2019).

Ilmu Pengetahuan Untuk memahami pengertian ilmu, terlebih dahulu perlu membezakan antara maklumat dan kepintaran. Menurut Scott (1999) maklumat merupakan satu badan yang objektif

mengenai konsep-konsep dan item-item berkaitan yang menjadi tapak asas kepada pembinaan ilmu pengetahuan seseorang. Manakala kepintaran, merupakan kebolehan untuk memanipulasi maklumat-maklumat. Untuk membangunkan ilmu pengetahuan seseorang itu perlu memiliki maklumat dan kebolehan memanipulasi maklumat-maklumat tersebut. Dalam erti kata lain, ilmu pengetahuan merupakan suatu pemahaman manusia melalui penelitian dan penemuan yang tersusun secara sistematis. Di samping, dapat memberi manfaat untuk kehidupan manusia di dunia dan akhirat. Merujuk kepada hasil dapatan kajian di atas, menggambarkan bahawa tahap pencapaian ilmu pengetahuan dalam kalangan para guru adalah sangat merisaukan kerena sebahagian besar mereka memiliki tahap pencapaian ilmu pengetahuan pada tahap sederhana. Tingkat ilmu pengetahuan demikian berlaku mungkin dipengaruhi oleh beberapa faktor samada dari luar maupun dari dalam. Faktor dari luar merangkumi ekonomi, sosial, politik dan budaya. Manakala faktor dari dalam termasuk masalah pendidikan, tidak menghargai nilai ilmu, dangkal dalam ilmu pengetahuan khususnya ilmu agama atau kurang beribadah. Hasil dari pemantauan pengkaji, didapati faktor dari dalam ini sangat mempengaruhi para pelajar dalam proses pengajian dan pembelajaran semasa mereka berada di Akademi Pengajian Islam dan Bahasa Arab. Selain itu, beberapa kajian lain mendapatibawa faktor keluarga yang mementingkan hal-hal yang bersifat materi dibandingkan hal-hal yang bersifat transendental telah mempengaruhi mereka. Malah, ternyata sebahagian keluarga mempunyai pemikiran fanatik dalam budaya setempat. Sebagai contoh, ibu bapa memberikan kesempatan kepada anak-anaknya (kaum muda) untuk belajar, namun mereka berpendapat bahawa semakin banyak orang yang pintar, maka akan menghilangkan budaya setempat. Sebaliknya, kepentingan ilmu pengetahuan harus disemai dalam setiap para palajar, kerana ianya mengandungi banyak manfaat samada pada dirinya maupun untuk orang lain. Dengan ilmu pengetahuan mampu membezakan antara *al-Haq* dan *al-Batil*, manfaat untuk dirinya hingga akhir hayatnya, sebagai sarana untuk menuju ke syurga dan dengan ilmu pengetahuan dapat meningkatkan darajat manusia sebagai mana dinyatakan oleh Ibn al-Khaldun bahawa manusia tidak melebihi binatang melainkan dengan adanya *ma'rifat* iaitu dengan menggunakan deria yang lima pendengaran, penglihatan, hidu, rasa dan sentuh untuk memperolehi *ma'rifat* (al-'Allamah Ibn Khaldun. t.th).

Amanah dan Tanggungjawab Amanah dan tanggungjawab merupakan tuntutan Islam yang harus dilaksanakan. Amanah diertikan sesuatu yang

diperceyai kepada orang atau kepercayaan yang diletakkan kepada seseorang, sering berlaku jujur dan memiliki sifat *mahmudah*. Menurut al-Maraghi (1992), amanah adalah suatu yang harus dipelihara sehingga sampai kepada mereka yang berhak memilikinya. Ianya merupakan asas kesungguhan dan keunggulan peribadi seseorang Islam dalam memelihara apa yang diamanahkan kepadanya. Allah s.w.t. berfirman dalam al-Qur'an surah al-Nisa' ayat 58 bermaksud:

Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanah kepada yang berhak menerimanya, dan (menyuruh kamu) apabila menetapkan hukum di antara manusia supaya kamu menetepkan dengan adil. Sesungguhnya Allah memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepadamu. Sesungguhnya Allah Maha mendengar lagi Maha melihat.

Di samping itu, Islam turut menegaskan sikap bertanggungjawab dalam setiap urusan yang diamanahkan. Amanah dan tanggungjawab ini memainkan peranan sangat penting dalam menegakkan sebuah masyarakat yang makmur. Menurut al-Qaradhawi (2014) dan Ab. Rahman, Z. et al. (2018) Islam menekankan sikap tanggungjawab dalam setiap pekerjaan kerana ianya mampu mengukuh kondisi kesejagatan ummah dalam menghadapi cabaran kehidupan (al-Qaradhawi, Yusuf. 1999). Sementara Welch (2013) dan Ab Rahman, Z. (2013) menegaskan bahawa manusia yang memiliki sikap bertanggungjawab dalam setiap urusan yang diamanahkan dapat menentukan kejayaan masa hadapannya dengan daya usaha yang digambleng samada melalui bakat, kebolehan mahupun kemahiran yang dipelajari. Merujuk kepada hasil dapatan di atas, menggambarkan bahawa tahap pencapaian amanah dan tanggungjawab dalam kalangan para guru berada pada tahap yang sangat membimbangkan. Perbahasan tentang sikap amanah dan tanggungjawab mempunyai hubungan secara langsung dengan hatidan keimanan seseorang kepada Allah s.w.t. Menurut imam al-Untuk membentuk seseorang bersikap amanah dan tanggaungjawab harus berperingkat dan perlu digalakkan sejak usia kanak-kanak (Muhammad al-Nuquib al-Attas 1980). Di samping, menitiberaikan keimanan dalam diri seseorang serta sentiasa mengingatkan tentang hari kebangkitan dan sentiasa mohon pertolongan kepada Allah s.w.t. dan berkonsisten dalam mentarbiah diri untuk menjadi seorang yang beramanah dan tanggungjawab. Akhirnya, hati yang dibangunkan dengan amanah dan tanggungjawab akan memainkan peranan memastikan potensi manusia ke arah kebaikan dunia dan akhirat.

RUMUSAN DAN CADANGAN

Keunggulan pendidikan seperti yang digariskan dalam konsep lima komponen ciri guru Muslim

adalah sifat yang harus dimiliki serta diamalkan oleh para guru pendidikan Islam bagi mamastikan hasrat pendidikan Islam itu tercapai. Sehubungan itu, penghayatan secara konsisten terhadap lima komponen yang meliputi moral dan amalan positif, kemahiran intelek, sosial dan komunikasi, ilmu pengetahuan dan amanah dan tanggungjawab serta mampu menterjemahkan dalam proses pendidikan dengan mahir juga merupakan tuntutan agama bagi mencapai tahap profesional. Profesionalisme keguruan ini sangat penting dalam meningkatkan kualiti pendidikan sesebuah negara. Pencapaian ini, perlu dipupuk pada setiap warga guru agama khasnya dan para guru akademik secara amnya.

Dalam usaha meningkatkan kualiti guru agama khususnya alumni Academy of Islamic and Arabic Studies, Princess of Naradhiwas University AIAS-PNU, langkah pertama institusi pendidik tinggi tersebut harus memainkan peranan dalam memberi sumbangan dan sokongan dalam memartabatkan pencapaian kualiti guru agama secara berterusan dengan cara menekankan kemahiran mengurus pengajaran dan pembelajaran, penyampaian ilmu pengetahuan, cara menilai dan lain-lainnya. Kedua, institusi pendidikan tinggi harus menjalankan kajian secara mendalam tentang faktor yang menyebabkan para guru agama kurang kemahiran dalam mengurus atau mengatur pengajaran dan pembelajaran dalam bilik belajar agar dapat menyelesaikan masalah secara berkesan dan berkualiti.

PENGHARGAAN

Penyelidikan ini merakamkan jutaan terima kasih kepada National Research Council of Thailand atas pembiayaan projek melalui geran penyelidikan yang bertajuk Acomparative Study of Teacher Professionalism Between Islamic Private in Three Southern Border Provincesand Islamic Private School in Malaysia. Number Projek: 012.08./2.10/2562.

RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri. 2010. Amalan pengajaran guru pendidikan Islam berkesan berteraskan konsep mu 'allim. *Journal of Islamic and Arabic Education* 2(1): 43-56.
- Ab Rahman. Z. et al. 2018. Key factors influencing cultural efficiency in leadership accuracy in areas housing household (PPR). *Global Journal Al-Thaqafah* 8(1): 107-114.
- Ab Rahman, Z. et al. 2013. Victim empathy deficits among sex offenders in Kajang Prison. *Islamiyat* 35(1): 75-92.

- al-^cAllamah Ibn Khaldun. t.th. *Muqaddimah*. Beirut: Dar al-Kitab al-^cArabi.
- Azhar Ahmad. 2006. Strategi Pembelajaran Pengaturan Kendiri Pendidikan Islam dan Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah di Sarawak. Tesis Ph.D. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi.
- 'Abd al-Hamid al-Mursi. 1985. *al-Syakhsiyah al-Muntajah*. Mesir: Maktabah Wahbah.
- Cekloh Khaekpong. 2019. *Plan Perlaksanaan Dasar Akademi Pengajian Islam dan Bahasa Arab, Princess of Naradhiwas University* (Kementerian Pendidikan). Narathiwat: AIAS-PNU. (1-69).
- Craig R. Fiedler & Barbara Van Haren 2009. A comparison of special education administrators' and teachers' knowledge and application of ethics and professional standards. *The Journal of Special Education* 43(3): 160-173.
- Fazilah Idris, Khadijah Muda & Khairul Anwar Mastor. 2019. Pembentukan model toleransi beragama belia pelbagai etnik di Malaysia. *Akademika* 89(2): 33-42.
- Frechtling, S. & Westat. 1997. User-Friendly Handbook for Mixed Method Evaluations. Arlington VA: National Science Foundation.
- Goodson, I. & Pik, L. C. 2008. Life history and collective memory as methodological strategies: studying teacher professionalism. *Teacher Education Quarterly* 4(2):5-28.
- Halim & Salamuddin. 2000. Orientasi akademik: Pendekatan alternatif dalam program pendidikan guru siswazah di Malaysia. *Akademika* 56(1) 47-64.
- al-Hasyimi, Muhammad Ali. 1983. *Syakhsiyah al-Muslim*. Beirut: Dar al-Qur'an al-Karim.
- Hilferty, F. 2008. Teacher professionalism and cultural diversity: Skills, knowledge and values for a changing Australia. *The Australian Educational Researcher* 35(3): 53-70.
- Ibn Kathir. 2001. *Tafsir al-'Azim*. Riyad: Maktabah Dar as-Salam.
- Ibn Mandhur. 1956. *Lisan al-^cArab*. Beirut: Dar al-Sadir.
- Ibrahim Mustafa. 1990. *Mu'jam al-Wasit*. Kaherah: Dar al-Da'wah.
- Kamarul Azmi & Ab. Halim Tamuri. 2007. *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamus Dewan*. 2010. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Khareng. M. et al. 2012. Cultural socialization and its relation to the attitude of religious tolerance among Muslim and Buddhist students in Prince of Songkhla University. *International Journal of Islamic Thought* 2(12): 12-22.
- Khareng, M. et al. 2016. Roles of freedom of religion: In supporting the formation of openness attitude among the Southern of Thailand society. *Global Journal Al-Thaqafah* 6(2): 59-71.
- Khareng, M. 2020. Teaching and learning conditions of Islamic teachers in the famous Islamic private schools of the three Southern Border Provinces. *Princess of Naradhiwas University Journal* 7(1): 111-127.
- Krishnaveni, R. ve Anitha, J. 2007. Educators' professional characteristics. *Quality Assurance in Education* 15(2): 149-161.
- Long, A. et al. 2017. Muslim socio-culture and majority-minority relations in recent Sri Lanka. *Journal of Politics and Law* 2: 105-113.
- al-Maraghi, Ahmad Mustafa. 1992. *Tafsir al-Maraghi*. Semarang: Toga Putra Semarang.
- Muhammad Hisyam Anan. et al. 2017. Tahap kepuasan kerja guru: Aspek beban kerja, pengiktirafan dan penglibatan dalam pengurusan. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan* 18: 187-199.
- Muhammad al-Naqib al-Attas. 1980. *The Concept of Education in Islam*. Malaysia: Art Printing Sdn. Bhd.
- Muhammad Uthman Najati. 1993. *al-Qur'an wa^cIlm al-Nafs*. Kaherah: Dar al-Syuruq.
- Nihan Demirkasimoglu. 2010. Defining teacher professionalism from difference perspective. *Procedia Social and Behavioral Sciences* 9: 2047-2051.
- Oppenheim, A. N. 1992. *Questionnaire Design, Interviewing and Attitude Measurement*. Edisi 2. London: Printer Publishers.
- al-Qaradhawi, Y. 1999. *Fiqh al-Awlaiyat*. Mesir: al-Maktab al-Islami.
- Qutrennada Rosli & Ahmad Yunus Mohd Noor. 2017. Pengajaran dan pembelajaran hadith di Darul Ulum Ihya Ulumuddin Alor Setar Kedah: Keberkesanan, metodologi dan persepsi pelajar. *Akademika* 87(3): 137-149.
- Ramayulis & Samsul Nizar. 2009. *Filsafat Pendidikan Islam*. Jakarta: Kalam Mulia.
- Razaleigh Muhamat Kawangit. 2014. *Peranan Guru Pendidikan Islam dalam Pengurusan Aktiviti Dakwah di Sekolah*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rosnah & Muhammad Faizal. 2013. Amalan pembelajaran kolektif dalam kalangan guru sekolah berprestasi tinggi di Malaysia. *Jurnal Kajian Pendidikan* 3(1): 27-34.
- Scott, T. E. 1999. Knowledge. Dlm. *Encyclopedia of Creativity*, disunting oleh Runco. M.A & Pritzker S. R., 119-129. Academic Press: New York.
- Stephene T. et al. 1999. The relationship between environmental quality of school facilities and student performance. *Environmental International* 12(2): 67-89.
- Taqiy al-Din al-Dabnani. 1994. *al-Syakhsiyah al-Islamiyah*. Beirut: Dar al-Ummah.
- Trevor Gambell. 2004. Teachers working around large-scale assessments: Reconstructing professionalism and professional development. *English Teaching: Practice and Critique* 3(2): 48-73.

- Yong Hie Hie & Ku Hanita Ku Samsu. 2019. Sikap negatif guru sebagai penghalang pembentukan perpaduan etnik di sekolah. *Akademika* 89(1): 149-159.
- Zakaria Kasa et al. 1994. Pendidikan Akhlak di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama. Laporan Penyelidikan Bahagian Pendidikan Islam Kementerian Pendidikan Malaysia. Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Pertanian Malaysia: Malaysia.

TEMUBUAL

1. Sekolah Darussalam, Wilayah Narathiwat, Thailand pada 13 Febuari 2019.
2. Sekolah Pratip Wittaya, Wilayah Narathiwat, Thailand pada 23 March 2019.
3. Sekolah Abadiyyah, Wilayah Narathiwat, Thailand pada 26 Februari 2019.
4. Sekolah Nuruddin, Wilayah Narathiwat, Thailand pada 15 May 2019.
5. Sekolah Sassanupatham, Wilayah Pattani, Thailand pada 20 May 2019.
6. Sekolah Islam Burapa (Sepong), Wilayah Narathiwat, Thailand pada 12 Januari 2019.
7. Maahad al-Bi'sad Adainiah (Haji Harun Yala), Wilayah Yala, Thailand pada 22 Ogos 2019.
8. Sekolah Somburnsart, Wilayah Pattani, Thailand pada 19 July 2019.

Mutsalim Khareng (corresponding author)
Jabatan Pengajian Islam
Academy of Islamic and Arabic Studies, Princess of Naradhiwas University Thailand.
Email: habba_yabnee@hotmail.com

Rohanee Machae
Jabatan Syariah dan Undang-Undang Academy of Islamic and Arabic Studies, Princess of Naradhiwas University, Thailand.
Email: nee_2750@hotmail.com

Jaffary Awang
Centre for Aqidah and Global Peace, Faculty of Islamic Studies,
National University of Malaysia
43600 Bangi Selangor
Malaysia
Email: jaffary@ukm.edu.my

Zaizul Ab Rahman
Centre for Aqidah and Global Peace Faculty of Islamic Studies
National University of Malaysia
43600 Bangi
Malaysia.
Email:zaizul@ukm.edu.my

Ahmad Yunus Mohd Noor
Centre for Aqidah and Global Peace Faculty of Islamic Studies
National University of Malaysia
43600 Bangi
Malaysia.
Email:a_yunus@ukm.edu.my

Received: 10 May 2019
Accepted: 14 June 2020